

BAB EMPAT

CORAK AKTIVITI PENANAMAN PADI YANG DIPRAKTIKSKAN DI MUBAAN THI SAAM

4.1 Pengenalan

Bab ini adalah perbincangan yang khusus terhadap corak dan aktiviti penanaman padi yang dipraktiskan di *Mubaan thi saam*. Penanaman padi yang diamalkan di *mubaan* ini mengambil masa selama sembilan bulan dan biasa dipanggil 'padi sembilan bulan'. Tempoh sembilan bulan ini dikira bermula dari peringkat menabur benih sehingga ke peringkat hasilnya disimpan di dalam rumah padi. Dalam aktiviti penanaman padi di *Mubaan thi saam* ini, dapat dilihat corak penanaman yang seakan sama dengan penduduk kawasan lain yang mengamalkan tradisi saradiri.

Penjelasan tentang corak penanaman ini boleh dilihat berkaitan dengan sumber air untuk tanaman padi. Sumber air untuk tanaman padi di sini ialah air hujan. Dengan pergantungan kepada air hujan ini, bermakna tanaman padi hanya boleh dijalankan sekali dalam setahun. Oleh itu, ia juga turut mencorakkan pemilihan benih padi yang sesuai.

Benih padi yang paling sesuai dan digemari oleh penduduk adalah benih kampung atau tradisional. Sungguhpun benih-benih moden yang lebih cepat tempoh matangnya dapat diperolehi dengan mudah, tetapi benih tradisional tetap menjadi pilihan mereka. Banyak kelebihan ditonjolkan oleh benih tradisional yang menjadikannya lebih digemari.

Aktiviti ini juga dipraktiskan dengan cara penggunaan jentera membajak dan baja kimia. Walau bagaimanapun, dalam masa tertentu peralatan mudah seperti penggunaan sejenis pisau untuk menuai masih digunakan dengan meluas. Corak kombinasi antara teknologi moden dan peralatan tradisional, menjadikan aktiviti ini lebih praktikal untuk dikerjakan. Ia memberi masa dan ruang kepada masyarakat tani untuk mengerjakan aktiviti ini disamping aktiviti lain sebagai sumber pendapatan.

Corak penanaman padi di sini juga masih dipengaruhi oleh unsur tradisional. Ini dapat dilihat dari kepercayaan dan ritual tertentu yang diamal pada peringkat-peringkat tertentu penanaman.

4.2 Sumber air untuk tanaman padi

Penanaman padi di *Mubaan thi saam* masih dipengaruhi oleh sumber air semulajadi, iaitu air hujan. Ketiadaan sumber pengairan moden untuk mengawal keperluan air menjadikan corak penanaman padi di *mubaan* ini terlalu bergantung kepada hujan. Dengan demikian, aktiviti penanaman

padi di Mubaan thi saam disamakan dengan kedatangan hujan. Ini selari dengan kenyataan Robert F.Chandler Jr. yang mengatakan bahawa kebanyakan sistem penanaman padi di Asia Selatan dan Asia Tenggara adalah berdasarkan air hujan atau beliau jelaskan sebagai 'rain-fed paddy system'. Dengan sistem ini, setiap petak sawah akan dibuat batas untuk menakung air hujan. Apabila hujan monsun turun, barulah tanah sawah dibajak dan kegiatan penanaman dapat dijalankan:

The most common system of growing rice in South and Southeast Asia is called rain-fed paddy. The paddies are bounded (diked) and after the monsoon rains come and the water accumulates on the soil surface, the land is plowed and harrowed.¹

Air hujan biasanya dibawa oleh angin Monsun Timur Laut yang bertiup pada bulan November hingga Mac setiap tahun. Walau bagaimanapun, pada lewat bulan Oktober tanda-tanda awal musim angin Monsun ini mula berlaku dengan sedikit hujan mulai turun. Ini diikuti oleh tempoh hujan yang lebat pada bulan November hingga Februari (kadang-kadang menyebabkan banjir di mubaan ini). Kemudian bermula bulan Mac hujan mulai merosot dan seterusnya keadaan keadaan cuaca menjadi panas dan kering. Keadaan musim kemarau ini memberi peluang kepada buah padi untuk bertindakbalas dengan cahaya matahari melalui proses 'photo-period sensitivity' bagi membolehkan ia masak.² Dengan sumber pengairan ini penanaman padi hanya dapat dilakukan semusim sahaja dalam setahun.

Walau bagaimanapun, sumber dari air hujan yang turun sememangnya tidak mencukupi untuk pengairan. Sebagai menampung bekalan air tambahan, penduduk *Mubaan thi saam* mendapatkan dari sebuah takungan air yang dipanggil 'lubok'. 'Lubok' ini merupakan takungan air hujan secara semulajadi yang tidak bersambung dengan mana-mana sungai. Untuk mengairi sawah, penduduk secara bergotong-royong membuat *chomprathan* iaitu pintu air pada tepi 'lubok' berkenaan (Lihat lampiran; Gambar 4.1). Gotong-royong ini seterusnya dilakukan dalam membuat kerja-kerja menggali parit kecil dari *chomprathan* ke dalam sawah mereka. Pada masa ini tujuan utama parit kecil ini adalah semata-mata untuk menyalirkkan air. Menjelang tahun 1988, dengan permohonan dari penduduk setempat, kerajaan bertindak membina *klong* dari Sungai Bangnara melalui 'lubok' dan terus ke Tambon Maknangtayo. Pembinaan *klong* ini dibuat dengan dua tujuan iaitu pengairan dan pengawalan banjir. Proses pedalaman taliair yang dibina oleh penduduk telah dilakukan oleh *kamnan* Mat Nuh yang bertindak sebagai kontraktor.

4.3 Penggunaan benih tradisional

Penanaman padi di sini juga lebih cenderung kepada penggunaan benih tradisional. Sebahagian besar benih padi yang ditanam oleh petani di *Mubaan thi saam* adalah dari jenis benih kampung atau benih tradisional. Cuma sebahagian kecil petani sahaja, disamping menanaman benih tradisional juga

menanaman benih 'improved photoperiod-sensitive varieties' yang dihasilkan oleh pihak kerajaan. Prosedur penanaman sistem 'rain-fed' yang diamalkan semusim dalam setahun menjadikan benih tradisional yang paling sesuai untuk ditanam. Beberapa kelebihan yang ada pada benih-benih tradisi ini yang menjadikan lebih banyak ditanam. Kegemaran kepada benih tradisional bukan sahaja di kawasan saradiri tetapi juga di kawasan penanaman padi di Patthalung yang mana hasil padi untuk pasaran. Kajian yang dibuat oleh Yoshitaka Masuda dalam kertas kerjanya mengenai corak input tenaga buruh dalam penanaman padi di Selatan Thailand menjelaskan alasan mengapa *natives varieties* lebih digemari:

The reasons for farmers to plant such varieties were chiefly divided into two categories; varietal and economic characteristics. The varietal characteristics were long grain, high yield, good milled rice, easy harvesting (or reaping) heavy grain, and disease and pest resistance, while economic reason was higher price.

Bagi penduduk *Mubaan thi saam*, alasan yang sama juga diberikan. Antara kelebihan benih tradisional ini adalah tangkai yang lebih panjang menghasilkan buah yang banyak dan lebat. Kedua, batangnya besar, keras dan tinggi menjadikan ia lambat rebah dan kerja-kerja mengetam padi menjadi lebih selesa. Ketiga, padi jenis berat ini susah untuk menjadi relai dari tangkainya dengan ini ia dapat disimpan lama dan tidak dimakan oleh ulat bubut. Keempat,

padi ini juga akan menghasilkan beras yang lembut dan nasi yang sedap dimakan. Akhir sekali dan merupakan alasan yang paling praktikal adalah mereka lebih senang mendapat benih hanya dari hasil tahun lalu yang disimpan sendiri. Dengan ini mereka tidak perlu bersusah payah untuk membeli benih padi yang baru.

Selain dari kelebihan-kelebihan biologi yang dipunyai oleh benih-benih tradisional ini, keperluan tenaga kerja dalam aktiviti penanamannya juga adalah lebih rendah berbanding dengan penanaman benih moden. Kajian yang dibuat di Bahagian Utara Thailand menjelaskan bahawa benih moden memerlukan tenaga kerja yang lebih terutama untuk pengawalan rumput dan air. Tenaga kerja ini juga termasuk untuk pembajaan. Ini menjadikan benih tradisional lebih sesuai untuk tujuan saradiri:

Pre-harvest labor inputs for modern varieties were 22 to 23 percent higher than for old varieties in the wet season in the irrigated villages largely due to substantial increased in hand weeding and labour for water control. Input for these task during the dry seasons were lower than in⁴ wet seasons, but still higher for traditional varieties.

Jumlah benih yang ditanam juga bergantung kepada keluasan tanah sawah yang dikerjakan. Kajian yang dibuat mengenai jumlah benih padi bagi penanaman tahun 1995/96 adalah seperti berikut; 24 keluarga tani atau 31.2% yang menyemai benih kurang dari 10 gantang, 50 buah keluarga atau

65% dari petani menanam padi dengan menggunakan sejumlah 10 hingga 20 gantang benih. Sebilangan kecil sahaja, iaitu tiga keluarga, yang menanam padi menggunakan lebih dari 20 gantang benih padi. Bilangan itu bersamaan dengan 3.8% dari keseluruhan petani di *Mubaan thi saam*. Keseluruhan jumlah benih yang ditanam seperti dalam Jadual 4.1.

JADUAL 4.1

JUMLAH BENIH PADI YANG DITABUR UNTUK PENANAMAN PADI BAGI TAHUN 1995/96

Jumlah Benih (Gantang)	Jumlah keluarga (Orang)	Peratus (%)
Kurang dari 4	5	6.5
5 - 9	19	24.7
10 - 15	23	29.9
16 - 20	27	35.1
21 ke atas	3	3.8
JUMLAH	77	100%

SUMBER: Soal Selidik

Penanaman padi jemah (padi biasa) lebih dominan berbanding dengan jenis padi pulut tidak seperti mana yang ditanam di bahagian Utara Thailand.⁵ Ini kerana beras jemah adalah makanan utama penduduk di Bahagian Selatan Thailand, bukannya beras pulut. Walaupun begitu, terdapat juga pulut ditanam tetapi dalam jumlah yang sedikit. Pulut ini biasanya digunakan untuk tujuan tertentu seperti 'nasi semangat'

apabila mengadakan majlis perkahwinan dan sebagainya. Dalam pemilihan benih ini, para petani biasanya memilih jenis yang sama dari tuaian musim lalu. Pemilihan ini membolehkan masa menuai menjadi tetap pada setiap musim dan dengan ini rangka kerja penanaman dapat disusun dengan baik. Dalam tuaian musim lalu, hasil yang baik iaitu buahnya lebat, tangkainya panjang dan tidak hampa (bernas) akan disimpan khas dalam bentuk gemal disuatu ruang dalam baloh dan dikeluarkan untuk penanaman musim berikutnya.

Petani di mubaan ini membahagikan benih-benih padi yang ditanam kepada tiga kategori mengikut tempoh matang jenis-jenis padi, iaitu padi berat, sederhana dan ringan. Padi yang dikategorikan sebagai padi berat dan padi sederhana secara berbandingnya mempunyai tempoh masak yang lama lebih dari lapan bulan bermula dari penaburan benih. Dengan demikian benih-benih dari kategori ini akan masak dalam masa yang tetap pada bulan April tahun berikutnya. Padi ringan pula mempunyai tempoh masak yang lebih pendek sehingga mempunyai perbezaan kira-kira tiga hingga empat bulan.

Walau bagaimanapun petani tidak mengingati tempoh penanaman tetapi mengetahui masa tumbesaran padi, bila boleh dituai hanya melihat keadaan padi tersebut. Bagi mereka yang memilih jenis benih padi yang tertentu, tempoh masa padi tersebut akan masak dapat dijangkakan dan ini memberi satu keadaan yang sangat mustahak bagi mereka untuk melakukan aktiviti lain. Pemilihan benih yang tertentu membolehkan

masa menuai menjadi tetap pada setiap musim dan dengan ini rangka kerja penanaman dapat disusun dengan baik.

Benih padi dalam kategori berat adalah padi serepa, jala, mayang, pergau dan pahit buah putih. Sementara padi sederhana pula adalah morok, pahit buah hitam, cekak panjang, belat batas serta padi pulut. Padi ringan pula adalah padi ketitir, cempaka, kemboja dan larok. Dalam kategori ringan ini, padi larok merupakan padi yang paling ringan dan ditanam paling lewat sekali yang mana dikatakan 'ditanam pada sut tangan'. Kategori benih-benih tersebut dapat dilihat dalam Jadual 4.2.

Corak penanaman padi akan dimulakan dengan penyemaian padi berat diikuti oleh padi sederhana dan padi ringan. Padi berat akan disemai pada awal bulan Ogos dan kira-kira dua minggu selepas itu barulah padi dari kategori sederhana akan disemai. Padi ringan pula akan dimulakan penyemaian kira-kira dua bulan selepas padi sederhana 'dicedong'. Dengan prosedur penanaman yang diatur begini, walaupun benih padi mempunyai tempoh masa yang berlainan tetapi kerja-kerja menuai akan menjadi serentak kerana padi berat akan 'dicedong' dahulu, diikuti oleh padi sederhana dan akhir sekali padi ringan.

JADUAL 4.2

KATEGORI BENIH PADI YANG DITANAM DI MUBAAN THI SAAM DALAM MUSIM PENANAMAN TAHUN 1995/96

Kategori	Nama Benih	Tarikh Penyemaian 1995/96	Keutamaan Plot *	Tempoh Pembesaran
Padi Berat	1 Serepa 2 Jala 3 Mayang pergau 4 Pahit buah putih	Awal Ogos	- 39 22 13	9 Bulan
Padi Sed.	1 Morok 2 Pahit buah hitam 3 Cekak panjang 4 Belat batas 5 Pulut	Akhir Ogos/Awal Sept.	38 19 14 17 15	8 Bulan
Padi Ringan	1 Ketitir 2 Kemboja 3 Cempaka 4 Larok	Akhir Okt.	1 1 3 5	5 Bulan
Padi HYV	1 Nang phaya 132	Awal Nov.	3	4 Bulan

* Bilangan petani yang menanam benih tersebut.

SUMBER: Soal Selidik

Dalam Jadual 4.2 di atas dapat dilihat padi dari jenis berat lebih digemari berdasarkan keutamaan plot yang ditanam. Penanaman padi yang mereka lakukan adalah secara kombinasi antara padi berat, sederhana dan padi ringan. Di antara jenis-jenis benih yang paling popular dalam musim penanaman tahun 1995/96 adalah benih padi berat dan sederhana

iaitu padi jala dan morok. Kombinasi benih-benih ini telah ditanam oleh sejumlah masing-masing 39 dan 38 orang petani dari 77 buah keluarga. Kombinasi padi larok dalam kategori padi ringan yang ditanam oleh lima keluarga. Penanaman padi serepa yang juga digelar sebagai 'raja padi' tidak mendapat tempat dalam penanaman tahun 1995/96 kerana terlalu berat yang mengambil masa lebih dari sembilan bulan untuk dituai.

Benih-benih padi berat lain yang juga menjadi pilihan petani di *Mubaan thi saam* adalah mayang pergau oleh 22 ketua rumah manakala pahit buah putih oleh 13 ketua rumah. Padi sederhana pula adalah pahit buah hitam yang ditanam oleh 19 orang petani, cekak panjang oleh 14 orang petani. Selain dari larok, beberapa jenis padi ringan yang lain juga menjadi pilihan petani di *Mubaan thi saam* tetapi tidak begitu ramai, iaitu 10 ketua keluarga sahaja. Keluasan petak sawah untuk tanam padi ringan juga tidak banyak yang mana secara keseluruhannya dalam lingkungan satu atau dua petak sahaja. Penanaman padi ringan tidak begitu digemari kerana memerlukan jumlah air yang banyak dan stabil, lagipun buah yang dihasilkan adalah kecil, pendek dan pokoknya juga lembut menyebabkan mudah rebah.

Padi dari kategori yang diistilahkan sebagai padi *kaset* iaitu nang phaya 132 adalah benih yang dibekalkan oleh kerajaan yang sesuai untuk penanaman semusim dalam setahun. Benih ini diberi oleh Jabatan Pertanian Narathiwat semasa sesi lawatan untuk melihat aktiviti penanaman padi di *Tambon*

Bangpho kira-kira enam tahun yang lalu. Semasa pembahagian benih tersebut, tidak semua penduduk mendapatnya. Dalam musim penanaman tahun 1995/96 hanya tiga keluarga yang menanam padi tersebut. Selain dari nang phaya 132 terdapat banyak lagi jenis benih yang sesuai seperti Ko.Ko.6, Ko.Ko.8, Ko.Ko.13, Ko.Ko.15, Kau Dok Malik 105 dan Neusampathong (Jenis pulut).⁶ Pihak kerajaan menggalakkan penanaman padi ini yang boleh didapati di pusat-pusat pembiakan benih padi melalui Pegawai Kaset Tambon.

4.4 Teknologi yang digunakan

Corak penggunaan teknologi dalam penanaman padi telah ada sedikit perubahan. Berlaku kombinasi antara teknologi jentera dan teknologi mudah. Penduduk di sini tidak lagi menggunakan tenaga kerbau untuk membajak sawah. Penggunaan tenaga kerja kerbau atau lembu telah lama diambil alih oleh penggunaan teknologi jentera sejak kira-kira 15 tahun yang lalu.⁷ Keperluan peralatan moden dalam aktiviti penanaman telah berkembang dengan meluas di kebanyakan tempat termasuk yang dapat dilihat di *Mubaan thi saam*. Ini mungkin disebabkan oleh perubahan dalam nisbah orang dan tanah. Kadar pertambahan penduduk dan penghijrahan keluar tenaga kerja sedikit sebanyak meninggalkan kesan dalam mewujudkan keadaan tidak cukup tenaga kerja.

Dengan penggunaan jentera, para petani tidak lagi terikat dengan masa yang terhad untuk bekerja. Sewaktu

penggunaan tenaga kerbau atau lembu, masa yang boleh digunakan untuk membajak sawah adalah pada waktu pagi iaitu dari pukul tujuh hingga pukul 11 sahaja. Ini kerana setelah bekerja selama beberapa jam, kerbau atau lembu tersebut perlu berehat dari panas terik. Pada sebelah petangnya haiwan ini perlu diberi makan, berehat dan tidur untuk memulihkan tenaga. Oleh sebab itu pada masa ini waktu bekerja bagi semua petani menjadi serentak iaitu pada waktu pagi sahaja.

Dengan penggunaan jentera, masa bekerja menjadi tidak sama kerana tidak timbul sebarang masalah seperti haiwan. Mereka boleh mula bekerja pada lewat pagi, sambung pada sebelah petang hanya dengan mengisi minyak kepada jentera berkenaan. Ini menunjukkan teknologi jentera adalah lebih praktikal. Mengikut mereka hanya sedikit masalah dalam penggunaan jentera iaitu ia tidak boleh bekerja pada waktu hari hujan dan ribut petir kerana tenaga elektrik yang dihasilkan oleh jentera ini boleh menyebabkan jentera berkenaan dipanah petir.

Dalam kajian yang dibuat, dari 77 keluarga yang menanam padi seramai 35 orang yang memiliki jentera membajak sendiri. Ke semua jentera membajak ini adalah jenis dua roda yang dikawal dari belakang, kebanyakannya adalah jenama Yanmar dan hanya dua buah jenama Kubota. Manakala 42 keluarga selebihnya tidak mempunyai jentera membajak. Walaupun mereka tidak mempunyai jentera untuk membajak sawah, secara praktikalnya mereka akan meminjam jentera tersebut

dari pada saudara mara atau mengupah orang lain.

Di samping penggunaan jentera, dapat diperhatikan juga masyarakat tani di mubaan ini masih lagi menggunakan teknologi mudah. Contoh yang jelas adalah 'ketam' iaitu alat yang digunakan untuk menuai padi. Dengan alat ini, tangkai padi ini perlu dipotong satu-persatu yang menyebabkan aktiviti menuai menjadi lambat. . Oleh itu, penggunaan tenaga buruh yang ramai diperlukan bagi mempercepatkan proses penuaian padi kerana dalam peringkat ini masanya sangat terhad.

Walaupun terdapat kekurangan dari segi masa dan tenaga dengan penggunaan alat yang mudah ini, tetapi keluasan kawasan yang mereka kerjakan tidaklah begitu ketara sehingga menyebabkan mereka terpaksa menggunakan jentera menuai. Dengan keluasan tanah yang kecil mereka masih lagi mampu menuai padi dalam jangkamasa yang sepatutnya. Secara umumnya, jangkamasa menuai ini adalah tidak lebih dari dua bulan bagi setiap keluarga.

Pada hakikatnya mereka bukan tidak tahu menggunakan kaedah 'banting' iaitu padi dipotong pada batangnya dan dipukul ke dalam tong supaya buahnya lerai dari tangkai. Kaedah ini lebih cepat tetapi mereka tidak mahu menggunakannya. Melalui kaedah 'banting', padi yang diperolehi nanti dalam keadaan lerai tidak seperti kaedah 'mengetam'. Dengan tujuan untuk disimpan, padi lebih tahan lama apabila disimpan dalam keadaan 'gemal' (Buah padi yang

masih lekat pada tangkainya). Hal ini juga ada kaitan dengan kepercayaan mereka anuti selama ini. Mereka bimbang semangat padi menjadi sakit apabila dipukul dan akan lari meninggalkan baloh. Ini menyebabkan padi cepat habis secara tidak disedari.

Aktiviti penanaman padi di *Mubaan thi saam* juga bercorakkan penggunaan baja yang sedikit. Jenis baja yang digunakan oleh penduduk *mubaan* ini adalah baja kimia yang dijual di pasaran. Sebelum tahun 1980-an para petani di sini masih lagi menggunakan 'baja bakar'. Biasanya sebelum musim penanaman padi bermula, mereka akan mengumpulkan sebanyak mungkin abu kayu yang dibakar di atas dapur. Tetapi kini penduduk di sini tidak lagi menggunakan 'baja bakar' sebaliknya baja kimia yang senang didapati di pasaran. Baja-baja yang dijual ini mempunyai pelbagai jenama seperti cap kepala lembu, cap sabit, cap matahari, cap padi dan sebagainya. Walaupun ia terdiri dari pelbagai jenama, ke semua baja-baja ini adalah baja campuran Nitrogen (N), Posporus (P_2O_5) dan Potash (K_2O). Bahan-bahan kimia ini adalah sumber nutrien kepada pokok padi untuk pembentukan pokok dan buah. Kebanyakan dari baja yang didapati di pasaran dan yang paling banyak digunakan oleh petani adalah dari jenis 21:0:0, 16:20:0 dan 13:13:21 (iaitu nisbah N:P:K). Baja urea jarang sekali digunakan. Untuk pengenalan jenis baja ini, ia akan ditulis pada bahagian hadapan guni baja tersebut.

Bekalan unsur posporus yang banyak diperlukan pada awal pertumbuhan pokok padi kerana peranannya dalam pembentukan sel. Tanda-tanda kekurangan posporus ialah bilangan tunas yang kurang dan lewat berpucuk. Jika posporus kurang maka tidak ada faedah menambahkan nitrogen dan kalium. Walau bagaimanapun keperluan bagi pembajaan seimbang adalah sangat penting untuk tumbesaran padi dengan sempurna.⁸

Dari kajian yang dibuat, seramai 16 keluarga tani atau 20.8% yang membekalkan baja sekali sahaja kepada tanaman mereka, 55 petani atau 71.4% membekalkan baja sebanyak dua kali dan enam keluarga atau 7.8 % tidak membekalkan baja kepada padi mereka selepas ditanam. Pembekalan baja ini dibuat secara hamburan iaitu kira-kira satu bulan selepas 'dicedong' dan masa sebelum padi bunting.

Jumlah baja yang digunakan dalam lingkungan satu hingga lima guni sahaja. Kebanyakan petani menggunakan baja cap kepala lembu (seramai 46 orang atau 60.0%) dan selebihnya menggunakan bermacam-macam jenis yang lain. Majoriti dari mereka lebih suka menggunakan baja cap kepala lembu kerana ia senang didapati di pekan yang terdekat iaitu di Batas Baru dan harganya tidak begitu mahal iaitu 320 Baht satu guni.

Jumlah baja yang digunakan oleh para petani dalam unit guni adalah seperti berikut; 11 keluarga menggunakan hanya satu guni, 29 petani menggunakan dua guni, 18 keluarga menggunakan tiga guni, 13 keluarga menggunakan empat guni dan

seramai enam keluarga menggunakan lima guni baja untuk dibekalkan kepada padi. Perbelanjaan untuk membeli baja oleh sebahagian besar petani adalah dalam lingkungan 700 hingga 1,000 Baht sahaja. Oleh yang demikian penanaman padi tidak melibatkan kos yang begitu besar di kalangan petani di *Mubaan thi saam*.

4.5 Kepercayaan dan ritual yang terlibat

Walaupun pengaruh Islam kuat berakar umbi dalam masyarakat Melayu di *Mubaan thi saam*, ini tidak bermakna ia telah menghapuskan sama sekali kepercayaan-kepercayaan lama. Corak kepercayaan tradisional ini masih wujud di samping kepercayaan Islam dalam masyarakat *Mubaan thi saam*. Hantu, jembalang, penunggu, semangat dan lain-lain lagi terdapat dalam kepercayaan tradisi Melayu masih lagi menjadi amalan mereka dalam aktiviti penanaman padi. Kuasa-kuasa ghaib ini dipercayai tinggal atau menunggu di bukit, sungai, pokok, busut dan sebagainya. Dalam kehidupan sehari-hari, orang-orang Melayu luar bandar menghormati kuasa-kuasa ghaib ini dan tempat-tempat yang dipercayai didiami oleh mereka, jika tidak kuasa-kuasa ghaib ini boleh menimbulkan bermacam-macam akibat seperti sakit, pening atau dirasuk begitu sahaja.⁹ Itulah sebabnya segala bentuk ritual ini dilakukan bagi menghalau hantu, memujuk semangat padi dan sebagainya. Amalan memujuk, menghalau dan menghindari dengan kaedah jampi mentera, petua dan pantang larang yang diperaktiskan merupakan satu alat

mereka merasa senang hati terhadap harapan mereka tanaman padi. Bagi memastikan harapan mereka rai, setiap peringkat dalam proses penanaman padi rai dengan ritual, petua dan pantang larang yang mestilah ikhan.¹⁰

Sebagaimana situasi yang berlaku dalam masyarakat Melayu di luar bandar, terdapat unsur-unsur kepercayaan pantang larang yang masih diamalkan oleh masyarakat *i thi saam*. Beberapa alasan sebagai pegangan mereka meneruskan amalan terhadap kepercayaan tradisi ini. I mereka yang tersendiri seperti mana yang dapat dilihat Jadual 4.3.

4.3

N PETANI DI MUBAAN THI SAAM UNTUK MENERUSKAN KEPERCAYAAN DAN PANTANG LARANG DALAM AKTIVITI PENANAMAN PADI MUSIM MAN TAHUN 1995/96.

Alasan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Mempercayai	11	14.3
Pegangan turun temurun	29	37.7
Lain-lain	37	48.0
JUMLAH	77	100%

R: Soal Selidik

Dalam Jadual ini, dapat dilihat bahawa seramai 11 atau sejumlah 14.3% petani di *Mubaan thi saam* rcaiyai adanya kuasa-kuasa ghaib yang mesti dipujuk dan

kuasa jahat dihalau supaya tanaman padi menjadi sempurna. Kebanyakan dari mereka adalah golongan petani yang telah tua berumur 60 tahun dan ke atas.

Seramai 29 orang petani atau 37.7% pula memberi alasan hanya mengikut apa yang diamalkan oleh orang-orang tua mereka dahulu lagi. Mereka berpendapat perkara-perkara ini harus menjadi pegangan mereka untuk melakukan aktiviti penanaman padi supaya selamat dan mendapat hasil seperti yang diharapkan.

Seramai 37 ketua rumah atau sejumlah 48% pula menjalankan ritual tersebut atas lain-lain alasan. Ada yang melakukan hanya kerana mengikut tren yang dipraktiskan oleh masyarakat setempat. Mereka sebenarnya tidak mempercayai kepada kuasa-kuasa tersebut sebaliknya hanya mengikut sahaja. Golongan ini adalah para petani yang berumur lebih muda dari golongan yang mempercayai kepada kuasa-kuasa tersebut. Mereka ini sebenarnya dalam dilema untuk mempercayai atau tidak tetapi takut jika tidak meneruskan ritual seperti yang dibuat oleh orang lain.

Semasa membuat temubual dengan salah seorang daripada mereka ini, cadangan telah dikemukakan supaya mereka tidak mempedulikan semua ritual dan pantang larang ini. Walau bagaimanapun cadangan ini telah menimbulkan perasaan marah dan takut. Antara ingatan yang beliau diberikan adalah:

Tokleh awe!, kalu kito buat gitu, oghe bende kaca, padi tok jadi, kalu jadipun dio hapo.

(Terjemahan dalam Bahasa Melayu standard);

Tak boleh awang! (panggilan orang tua kepada orang muda) kalau kita buat macam itu, orang bendang akan kacau, padi tak menjadi. Kalau menjadipun ia hampa.¹¹

Ini menunjukkan tanaman padi sangat berpengaruh dalam budaya kehidupan orang Melayu luar bandar. Padi perlu dijaga, 'penjaga bendang' mesti dihalau dan 'orang bendang' mesti dipujuk supaya jangan mengacau tanaman padi. Ini semua hanya dapat dilakukan melalui ritual, petua dan pantang larang yang telah dipelajari sejak turun temurun.

Kebanyakan kuasa ghaib ini, melainkan jin dan syaitan yang disebut dalam Al-Quran, adalah terkeluar dari ajaran Islam. Ini menjurus kepada syirik sebab adanya kepercayaan bahawa kuasa-kuasa ghaib itu adalah punca atau sebab berlaku perkara-perkara tertentu. Walaupun nyata bertentangan dengan Islam, sistem kepercayaan tradisional terus wujud, kuat berakar umbi dan susah hendak dihapuskan begitu sahaja. Akan tetapi yang lebih penting adalah kepercayaan tentang makhluk-makhluk ghaib ini dapat diterima kerana telah disesuaikan dengan kehendak-kehendak Islam, iaitu melalui cara yang mengatakan bahawa kuasa mereka terbatas dan tertakluk kepada kuasa Tuhan. Segala sesuatu yang berlaku adalah ditafsirkan sebagai kuasa dan kehendak Tuhan. Badan yang sihat atau hasil yang banyak bukan disebabkan oleh kuasa yang ada pada baja atau ubat, sama juga

sakit pening bukan disebabkan oleh kuasa hantu atau magis. Baja, ubat atau magis akan berkesan hanya jika Tuhan menghendaki supaya ia berkesan. Jadi kuasa yang muktamad ialah berpunca dari Tuhan juga.¹²

Pada peringkat-peringkat tertentu dalam usaha penanaman padi di *Mubaan thi saam* ini, di dapati beberapa upacara yang melibatkan kepercayaan magis.¹³ Upacara-upacara ini dijalankan secara sendiri atau oleh individu lain dengan tujuan untuk menghalau penyakit atau musuh padi yang boleh merosakkan atau mengurangkan pengeluaran. Seterusnya sebagai perlindungan hidup masyarakat terutama sekali dari penyakit, khususnya yang diperdayai disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib.¹⁴ Sebenarnya apabila seseorang Islam bergantung kepada kuasa-kuasa ghaib untuk melindungi diri atau untuk menjaga hasil tanaman, maka apa yang dilakukan adalah cuma ikhtiar. Walaupun ada doktrin kada dan kadar yang menyatakan bahawa sesuatu itu telah ditentukan oleh Tuhan, namun ikhtiar boleh juga dijalankan dengan harapan permintaan untuk perubahan dapat dimakbulkan.

Sekiranya ditinjau kepercayaan ini dalam konteks yang lebih mendalam, didapati upacara-upacara yang berkaitan dengan kepercayaan ini sangat kompleks keadaannya. Ada corak amalan yang sepenuhnya berbentuk Islam, ada yang berbentuk campuran antara Islam dan amalan Hindu, dan ada juga yang bentuk animisme.

4.5.1 Peringkat memulakan aktiviti penanaman.

Amalan yang mula-mula dilakukan oleh penduduk *Mubaan thi saam* dalam penanaman padi adalah lebih bersifat petua yang mereka warisi. Amalan tersebut adalah memilih hari yang baik untuk memulakan aktiviti penanaman. Pemilihan hari yang diistilahkan sebagai 'hari mula-mula letak kerja' dibuat berdasarkan kepada hari yang dirasakan baik bagi seseorang untuk memulakan pekerjaan.¹⁵

Hari Isnin menjadi pilihan seramai enam orang ketua rumah atau 7.8% dan hari Selasa bilangannya lebih kecil iaitu seramai empat orang sahaja atau kira-kira 5.2%. Hari Rabu dan Jumaat pula tidak menjadi sebagai hari yang baik bagi kebanyakan keluarga di *Mubaan thi saam*. Hari Khamis dianggap sebagai hari yang baik bagi tujuh keluarga atau kira-kira 9.1% dari keluarga tani untuk memulakan penanaman padi. Hari Sabtu pula menjadi pilihan bagi sebahagian besar yang merangkumi 27 orang atau 40.2% dari penduduk *Mubaan thi saam* sebagai 'hari mula-mula letak kerja'. Ini diikuti oleh hari Ahad yang menduduki tempat kedua iaitu dilakukan oleh 18 keluarga atau kira-kira 23.4%. Bagi ketua keluarga dalam kategori ini, semua hari, kecuali hari Rabu dan Jumaat boleh dijadikan hari untuk memulakan aktiviti penanaman padi, tetapi mengikut kesesuaian dari segi kekuatan rohani dan jasmani seseorang.

Ada juga kategori petani yang tidak menentu pemilihan hari tetapi mereka ini boleh dilihat kepada dua

keadaan. Pertama, petani yang sudah meninggalkan amalan pemilihan hari. Kedua, bukan hari yang menjadi pilihan, tetapi kiraan tertentu dari empat unsur alam iaitu tanah, air, api dan angin. Apabila jatuh pada kiraan tanah atau air, hari tersebut sesuai untuk memulakan kerja-kerja penanaman walaupun jatuh kepada hari Jumaat.

Persamaan sifat-sifat unsur ini menjadi panduan mereka. Sifat tanah yang tenang, lembab dan statik menjadikan penanaman padi tetap dilakukan walaupun secara perlahan-lahan. Sifat air yang tenang, sentiasa mengalir dan lambat mendidih membolehkan penanaman padi dilakukan dengan tenang, berterusan dan lambat berputus asa. Tetapi jika hari tersebut jatuh kepada kiraan api atau angin, hari tersebut tidak sesuai. Sesuatu kerja akan binasa atau terbengkalai kerana orang yang terlibat akan cepat marah dan bersemangat hanya sementara. Ini seolah-olah sifat api yang panas, membakar dan memusnahkan. Sifat angin pula biasanya ribut yang kencang seketika sahaja.

Apabila seseorang petani memilih hari tertentu untuk 'mula-mula letak kerja', beliau akan memulakan aktiviti penanaman ini pada hari yang sama pada setiap peringkat seterusnya. Sama ada untuk mencabut semaian, mencedong atau menuai akan dilakukan pada hari yang sama dan diikuti oleh ritual-ritual yang lain. Lihat Jadual 4.4

JADUAL 4.4

PEMILIHAN HARI UNTUK MEMULAKAN AKTIVITI PENANAMAN PADI OLEH KELUARGA TANI DI MUBAAN THI SAAM DALAM MUSIM PENANAMAN TAHUN 1995/96

Hari	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Isnin	6	7.8
Selasa	4	5.2
Rabu	0	-
Khamis	7	9.0
Jumaat	0	-
Sabtu	27	40.2
Ahad	18	23.4
Tidak Tentu Hari	15	19.4
JUMLAH	77	100%

SUMBER: Soal Selidik

4.5.2 Peringkat 'mencedong'

Pada peringkat 'mencedong' juga terdapat ritual yang dilakukan. Untuk memulakan aktiviti 'mencedong' ini seseorang itu perlu melakukan amalan dan disertai dengan doa yang mana telah diterapkan nilai-nilai Islam. Mengikut kepercayaan mereka, ritual ini bagi memujuk semangat padi dan menjaga tanaman supaya subur dan hasil yang memuaskan. Upacara ini boleh dilakukan sendiri atau meminta bantuan orang lain yang biasanya seseorang yang tahu dalam bidang perbomohan.

Masa untuk memulakan aktiviti 'mencedong' ini juga

dibuat pada waktu tengahari di mana masa itu matahari tepat berada di atas kepala. Mengikut kepercayaan mereka, pada waktu ini 'burung biak lagikan berhenti'. Begitu juga semua kuasa-kuasa halus akan berhenti berteduh di kediaman masing-masing dari panas terik . Pada masa inilah ritual 'mulai mencedong' dilakukan kerana tiada gangguan dari makhluk-makhluk halus yang jika tidak kena caranya akan menimbulkan akibat yang tidak diingini.

Tempat untuk memulakan upacara 'mulai mencedong' ini adalah di penjuru petak sawah. Beberapa keperluan mesti disediakan sebelum upacara ini dimulakan. Pertama, adalah sebatang pokok sepulih yang mempunyai empat atau lima helai daun. Pokok ini dikatakan sebagai pengasuh kepada semaian yang menjadikan ia cepat pulih. Kedua, adalah daun rotan sebanyak tiga pelepah atau boleh juga menggunakan daun pinang. Daun ini dikatakan sebagai peneduh dan pelindung kepada pokok padi. Akhir sekali perlu disediakan beberapa batang semaian yang subur dan sihat untuk dimulakan 'cedongan'. Semaian yang perlu disediakan dalam bilangan ganjil iaitu 7, 9, 13, 15, 19 atau 21 dan diletakkan di atas batas tempat yang akan dimulakan upacara tersebut.

Seseorang itu perlu mengambil wudhuk terlebih dahulu sebelum memulakan upacara ini. Setelah itu, berdiri di atas batas sawah mengadap kiblat selaku sembahyang hajat sambil membaca surah Al-Fatihah, Surah Al-Kafirun dan Ayatul-Kursi. Setelah selesai, pembacaan disambung dengan membaca surah Al-

Fatihah, Surah Al-Ikhlas dan Surah Al-Baqarah bermula dari ayat "Amanarrasul.... sehingga habis. Apabila selesai pembacaan ayat-ayat tersebut, turun ke dalam petak sawah dan menyapu permukaan tanah yang akan ditanam semaian supaya bersih dengan menggunakan kaki. Setelah bersih, lukis gambar Lam Alif atau mereka menyebutnya Lam Kilas () juga dengan menggunakan kaki.

Setelah semuanya selesai, anak semaian yang telah disediakan boleh dimulakan 'cedongan'. Caranya adalah tarik nafas dalam-dalam dan dengan cepat memulakan cedongan di kaki kanan Lam Kilas yang telah dilukis, diikuti sebelah kaki kiri dan seterusnya ditempat lain sehingga semua semaian yang disediakan habis dicedong. Cedongan yang dilakukan ini mesti disertai dengan niat seperti contoh dibawah:

"Aku ni semaye hajak nok mula menane padi. Aku mintok pelindunge denga Tuhe nok bui padi aku ni jadi molek de jange jadi bahyo".

(Terjemahan ke dalam Bahasa Melayu standard);

"Aku ni sembahyang hajat hendak mula menanam padi. Aku minta perlindungan dengan Tuhan agar padi aku ini menjadi molek dan jangan ditimpa bahaya".¹⁶

Setelah selesai menanam semua yang telah disediakan, semaian tersebut akan disimbah dengan air di sekelilingnya sebanyak tujuh kali seolah-olah memandikan semaian tersebut. Semasa memandikan anak semaian ini, berselawat ke atas Nabi (s.a.w) setiap kali memulakan

simbaham. Selepas membaca selawat ia disusuli dengan doa seperti berikut:

"Hei Namani namamu, Siti Haro namamu, mu sanggo wi licing-licing, sisir wi licing-licing sebak tok lakimu nok maghi dale bule pak belah".

(Terjemahan dalam Bahasa Melayu standard) ;

"Hei Namani namamu, Siti Haro namamu, mu sanggul dengan licin, sikat dengan licin sebab suamimu akan datang dalam bulan empat belas nanti".¹⁷

Makna kepada doa ini adalah supaya pokok padi akan 'bunting' dengan besar dan baik sebagaimana sanggul rambut perempuan yang bernama Namani dan Siti Haro. Kemudian mengeluarkan buah yang lebat seolah-olah rambut mereka yang disikat rapi bagi menyambut kepulangan suami.

Setelah itu, daun rotan dan pokok sepulih dipacak mengelilingi anak semaihan tersebut sebagai pengasuh dan pelindungnya. Ritual 'memulakan cedongan' selesai. (Lihat lampiran; Gambar 4.2)

Terdapat pantang larang dalam ritual ini mesti diikuti kerana jika tidak kena caranya akan mendatangkan akibat yang tidak diingini. 'Mencedong' semaihan mesti dilakukan dalam senafas sahaja. Tidak boleh sama sekali melepaskan nafas semasa 'mencedong' semaihan. Jika tidak dapat ditahan juga, seseorang itu perlu naik ke atas batas untuk melepaskan nafas setelah itu turun semula untuk menyambung cedongan. Jika pantang larang itu tidak diikuti

padi yang ditanam dipercayai akan diserang bahaya seperti tikus, perosak dan penyakit.

4.5.3 Serangan tikus dan penyakit

Terdapat juga amalan lain yang mesti dilakukan sekiranya tanaman mereka diserang oleh tikus atau penyakit. Sebenarnya segala serangan musuh dan penyakit ini tidak lagi mengganggu tanaman mereka jika amalan-amalan lain pada peringkat sebelumnya telah dilakukan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, sekiranya terjadi juga serangan tersebut adalah perlu mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut petua-petua nenek moyang sejak dari dahulu lagi.

Bagi mengelakkan serang tikus yang dianggap sebagai 'orang bendang' ia mesti dipujuk, tidak boleh sama sekali dimarah dan dimaki-hamun. Jika mereka merungut dan memaki hamun, serangan 'orang bendang' akan menjadi bertambah hebat dan boleh memusnahkan sebahagian besar padi yang ditanam. Langkah yang sewajarnya diambil untuk menghalang tikus dari terus menyerang padi adalah seperti di bawah.

Cabut sebatang pokok padi yang telah dimakan oleh tikus dan bawa balik ke rumah. Semasa mencabut pokok padi tersebut tinggalkan pesanan dalam bentuk memujuk supaya 'orang bendang' tidak lagi memakan tanaman padi. Contoh pesanan tersebut adalah seperti berikut:

"Hei oghe bende, jange la mu make loni. Mu make maso ngete seksok. Maso tu kita sama-samo ngete, sapa cepak dio boleh dulu".

(Terjemahan ke dalam Bahasa Melayu standard);

"Hei orang bendang, janganlah kamu makan sekarang. Kamu makan semasa musim mengetam nanti. Masa itu kita sama-sama mengetam padi. Siapa yang cepat dia dapat dahulu".¹⁸

Pokok yang dibawa balik akan dikapit dengan pangapit buluh yang dibuat untuk membakar ikan dan disalai atas para di dapur. Pokok ini dibiarkan di situ sehingga kering dan dibawa turun apabila tiba musim menanam tahun berikutnya.

Begitu juga sekiranya padi diserang penyakit. Penduduk *Mubaan thi saam* tidak pernah menggunakan racun untuk menghapuskan penyakit tersebut sebaliknya menggunakan 'air tawar' bagi mengatasi masalah ini. 'Air tawar' ini dicampur dengan serai wangi dan kemudian dihamburkan kepada padi yang dilanda penyakit.

4.5.4 Peringkat 'mengetam'

Amalan tradisi untuk memulakan aktiviti menuai atau 'mengetam' padi juga masih diamalkan oleh semua penduduk yang menanam padi di *mubaan* ini. Kepercayaan ini juga lahir dari zaman animisme yang mengikut mereka jika tidak membuat perkara-perkara tersebut, seseorang itu boleh ditimpa kemalangan yang tidak disangka-sangka. Bagi mengambil padi buat kali pertama seseorang itu perlu turun pada awal pagi yang biasanya selepas sembahyang subuh. Amalan ini boleh

dilakukan sendiri atau oleh anak kecil, atau oleh seorang bomoh yang telah diberitahu terlebih dahulu supaya tolong memulakan penuaian.

Tempat yang dipilih untuk memulakan penuaian padi adalah di kawasan yang mempunyai pokok yang paling sihat dan mempunyai buah yang paling lebat. Biasanya tempat tersebut akan ditanda pada awal lagi sebelum upacara 'mulai mengetam' dilakukan. Peralatan yang diperlukan adalah sebilah 'ketam' dan sehelai kain batik lepas untuk membawa balik padi yang akan 'diketam' nanti. Bagi memulakan upacara ini, apabila sampai di petak sawah yang telah ditandakan, keliling petak sawah tersebut sebanyak satu pusingan. Setelah itu turun ke dalam sawah untuk 'memulakan mengetam' padi. Sebelum 'mengetam', mentera yang dikenali sebagai 'Sepok Jembalang' perlu dibaca sebelum padi pertama diambil:

"Hei asa ko jemale pade, penunggu pade, mu alih baghe sebeloh, sepok baghe sebeloh. Jange dok ganggu aku maghi nih. Aku maghi sebak nok ambik anak aku buak kelik".

(Terjemahan ke dalam Bahasa Melayu standard);

"Hei asalkan jembalang padang, penunggu padang, kamu alihlah barang sebelah, elaklah barang sebelah. Jangan mengganggu aku datang ini. Aku datang sebab hendak ambil anak aku untuk di bawa balik".¹⁹

Setelah itu 'ketam' tujuh tangkai padi dari pokok yang telah dipilih. Padi tersebut kemudian akan dimasukkan ke dalam kain batik lepas dan dikendong ke dada sebagai mana

membawa seorang bayi. Setelah selesai mengambil padi, bawa balik ke rumah dan padi tersebut akan diikat dan disimpan di satu penjuru di dalam baloh padi.

Dalam upacara ini juga terdapat beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi. Seseorang itu tidak boleh bercakap walau sepatahpun walaupun ada orang bertanya. Pantang ini bermula mulai turun dari rumah sehingga tujuh tangkai padi yang diambil disimpan di dalam baloh. Pantang larang ini perlu dipatuhi kerana dipercayai semangat padi sedang tidur. Bunyi percakapan akan menyebabkan ia terkejut dan melarikan diri. Jika pantang ini tidak dipatuhi, padi yang berada dalam baloh akan menjadi cepat habis.

Padi sebanyak tujuh tangkai yang telah ambil semasa upacara 'mulai mengetam' tidak boleh sama sekali dibawa keluar dari baloh. Ini dilakukan supaya semangat padi akan tetap tinggal di dalam baloh. Jadi untuk mengelakkan dari terambil padi ini ia diikat dengan kain dan disimpan di penjuru baloh.

Semasa kerja-kerja 'mengetam' belum selesai, semua ahli keluarga yang menanam padi tidak dibenarkan makan atau membuat bising pada masa remang-remang petang. Pada masa ini dipercayai hantu dan penunggu sedang keluar mencari makan, jika makan nasi atau membuat bising waktu ini, akan menarik perhatian makhluk tersebut dan akan datang mengganggu semangat padi yang berada di dalam baloh.

Semasa makan, nasi tidak dibenarkan tumpah ke

lantai atau tinggal sisa di dalam pinggan. Perbuatan ini mengakibatkan semangat padi merajuk. Dengan ini nasi mesti dihabiskan sehingga bersih. Aturan ini mesti dipatuhi sehingga semua padi di bendang selesai diketam dan dimasukkan ke dalam baloh.

4.5.5 Peringkat ambil padi dari baloh

Padi yang telah disimpan di dalam baloh selepas menuai perlu dikeluarkan pada hari-hari tertentu sahaja. Mengikut kepercayaan mereka jika seseorang itu mengambil padi secara sembarangan, padi di dalam baloh akan menjadi semakin hari semakin sedikit secara tidak disedari. Ini kerana semangat padi akan lari kerana sering diganggu. Oleh itu padi hanya boleh dikeluarkan pada hari-hari tertentu sahaja, kecuali hari Rabu dan Jumaat. Dengan itu, apabila telah dikeluarkan mereka akan mengambil secara banyak untuk kegunaan satu atau dua bulan. Pada peringkat ini tiada ritual yang terlibat cuma pantang larang sahaja yang mesti dipatuhi.

4.6 Aktiviti penanaman padi secara keseluruhan

Setelah melihat corak penanaman padi yang dipraktiskan di *mubaan* ini, lebih baik aktiviti penanaman padi ini dijelaskan secara sepantas lalu. Terdapat dua kaedah penanaman padi yang dipraktiskan di Thailand; kaedah tabur terus dan kaedah pindah semaian. Mengikut kajian tahun

1973-75 oleh Jabatan Pertanian Thailand, lebih dari 80% dari sawah di Bahagian Utara Thailand dan 95% tanah sawah di Bahagian Timur Laut mempraktiskan penanaman kaedah memindah semaian. Bahagian Tengah pula kedua-dua kaedah ini dipraktiskan secara meluas, manakala di Bahagian Selatan kedua-dua kaedah ini juga diamalkan tetapi di bahagian Pantai Barat hanya penanaman kaedah memindah semaian sahaja yang diamalkan.²⁰

Aktiviti penanaman padi yang dijalankan di *mubaan* ini juga adalah kaedah memindah semaian atau diistilahkan sebagai kaedah 'cedongan'. Dengan kaedah ini, proses penanaman padi mesti melalui beberapa peringkat. Bermula dari peringkat pertama iaitu menabur benih sehingga ke peringkat akhir iaitu menuai. Sistem ini sama dengan ragam penanaman padi yang diusahakan oleh penduduk Bahagian Utara Negeri Kelantan di Malaysia.²¹ Para petani yang menanam padi melalui kaedah 'cedongan' ini terpaksa melakukan beberapa proses lain yang berkaitan seperti menyediakan petak sawah, mencabut semaian, 'mencedong' dan akhir sekali menuai.

4.6.1 Penyemaian benih

Penanaman padi dimulakan dengan penyemaian benih padi yang biasanya bermula pada bulan Ogos setiap musim. Penyemaian benih ini boleh dibuat dalam dua kaedah iaitu kaedah 'tabur darat' dan kaedah 'dong'. Kedua-dua kaedah ini sama sahaja cuma berbeza dari segi keadaan tapak semaian

tersebut. 'Tabur darat' adalah penyemaian benih yang dibuat di atas tapak semaian yang kering sementara kaedah 'dong' adalah penyemaian benih di atas tapak semaian yang berair. Sebahagian besar, iaitu 90% dari petani di mubaan ini membuat penyemaian benih secara 'tabur darat'.

Penyemaian benih melalui kaedah 'tabur darat' lebih digemari kerana beberapa kelebihan berbanding dengan kaedah 'dong'. Untuk 'semaian darat' penyemaian benih boleh dibuat di atas tapak semaian yang kering yang biasanya berdekatan dengan rumah. Tapak semaian yang kering ini memnyenangkan penaburan benih dilakukan. Lagipun tapak semaian yang berdekatan dengan rumah ini menyenangkan penjagaan dan dapat diperhatikan tumbesaranaya. Semasa aktiviti mencabut semaian untuk dipindahkan para pekerja lebih selesa kerana tidak menghadapi masalah digigit lintah dan mereka boleh bekerja dalam keadaan duduk kerana tanahnya kering. Lagipun petani tidak perlu bersusah payah untuk membawa masuk air ke dalam tapak semaian.

Berbanding dengan kaedah 'dong' yang memerlukan tapak semaian mempunyai air, kaedah ini hanya boleh dilakukan di dalam petak sawah. Dalam petak sawah ini, air perlu dibawa masuk terlebih dahulu kerana pada masa ini hujan masih belum turun dan petak sawah masih lagi kering. Oleh kerana tapak semaian dalam keadaan berair, benih padi mesti direndam selama dua hari supaya mata tunasnya bercambah. Jika tidak direndam terlebih dahulu, benih padi tersebut akan mati

kerana tenggelam dalam air sebelum mata tunasnya keluar. Semasa mencabut semaian nanti, para pekerja juga menjadi tidak selesa kerana gigitan lintah yang hidup dalam air dan mereka terpaksa bekerja dalam keadaan mencangkung.

Kelebihan 'semaian darat' juga adalah ia lebih kuat atau tahan sekiranya selepas dicedong petak sawah menjadi kekeringan air. 'Semaian dong' pula tidak begitu tahan dengan keadaan ketiadaan air. Semaian ini dikatakan akan menjadi 'ngok' atau kejutan sekiranya selepas dicedong petak sawah kekeringan air.

Oleh kerana sebahagian besar petani membuat penyemaian benih melalui kaedah 'tabur darat', penyemaian benih melalui kaedah ini akan difokuskan secara sepantas lalu. Untuk memulakan penyemaian benih, terlebih dahulu pemilihan tapak semaian akan dibuat. Tapak semaian yang dipilih biasanya di kawasan mempunyai rumput yang panjang kerana tanah di kawasan tersebut adalah subur dan sejuk untuk benih padi. Kemudian rumput di tapak semaian tersebut diracun, dibersihkan dan digemburkan dengan menggunakan cangkul atau jentera (Lihat lampiran; Gambar 4.3). Setelah itu benih padi akan ditabur dan ditimbus supaya tidak kelihatan oleh ayam atau itik. Benih padi kemudian akan tumbuh dengan sendirinya. Setelah cukup umur 40 hari, ia akan dicabut untuk dipindahkan ke dalam petak sawah melalui kaedah cedongan. Dalam peringkat penyemaian benih ini petani dan isteri akan bekerja bersama-sama yang mana isteri akan

menabur dan petani akan menimbus benih.

4.6.2 Penyediaan petak sawah

Sebelum semaian cukup umur, kerja-kerja penyediaan petak sawah untuk memindah semaian akan dimulakan. Kerja ini biasanya dilakukan dalam bulan September iaitu sebagai persediaan sebelum hujan turun. Air terlebih dahulu dibawa masuk dari *klong* ke dalam petak sawah dengan cara 'menebuk batas' yang mana pada batas yang berkenaan dibuat satu saluran kecil untuk menyalirkan air (Lihat lampiran; Gambar 4.4). Ketika ini air yang diperlukan hanya sekadar untuk melembutkan tanah yang akan dibajak. Setelah air dibawa masuk, aktiviti penyediaan petak sawah dimulakan dengan kerja-kerja 'membeloh', 'membalik' dan 'menggerap'. Kerja-kerja pada peringkat ini dilakukan oleh petani sendiri yang kadang-kadang dibantu oleh anak atau menantu lelaki. Dalam peringkat ini tenaga kerja wanita tidak terlibat.

'Membeloh' adalah aktiviti membajak semua petak sawah yang akan ditanam padi secara sepantas lalu. Semasa 'membeloh' ini, mata pembajak yang berbentuk seperti piring besi digunakan dengan cara menyangkutnya di belakang jentera pembajak. Aktiviti 'membeloh' ini bertujuan untuk membalikkan tanah supaya senang diresapi air. Proses 'membeloh' merupakan peringkat pekerjaan yang paling sukar dilakukan. Dalam proses ini ia memerlukan tenaga dan kemahiran kerana tanah sawah masih lagi keras dan terdapat

banyak rumput yang melambatkan kerja-kerja membajak. Kemahiran pula diperlukan untuk mengendalikan jentera terutama apabila sampai di bahagian penjuru petak sawah. Semasa ini kerja-kerja 'membalik batas' dan 'mengangkat batas' dilakukan. Kerja-kerja ini adalah memperbaiki batas-batas sawah yang rosak dan meninggikan batas-batas yang rendah dengan menggunakan pangkal rumput dan ketulan tanah (Lihat lampiran; Gambar 4.5).

Setelah semua tanah 'dibeloh', sawah tersebut akan dibiarkan atau mengikut istilah tempatan 'diperam' selama beberapa hari. Pada masa ini air dari klong sekali lagi dibawa masuk. 'Pemeraman' tanah ini bertujuan untuk melembutkan tanah yang telah diterbalikkan dengan membiarkan ia menyerap air. Pengaliran udara tanah juga menjadi lebih sempurna dan rumput-rumput yang diterbalikkan akan mati dan mereput. Reputan rumput ini nanti akan menjadi baja organik kepada pokok padi. Tanah yang 'diperam' ini dikatakan menjadi sebagai 'tanah masak' dan sesuai untuk tanaman padi.

Setelah 'diperam' selama beberapa hari, kerja-kerja membajak ini diteruskan semula dengan aktiviti 'membalik'. Tanah yang berketul-ketul semasa kerja-kerja 'membeloh' diterbalikkan semula (Lihat lampiran; Gambar 4.6). Aktiviti 'membalik' ini masih juga menggunakan mata bajak yang sama. Kerja-kerja dalam proses 'membalik' ini menjadi semakin senang kerana tanahnya telah menjadi lembut dan akan hancur dalam keadaan ketulan yang lebih kecil.

Peringkat terakhir dalam proses penyediaan petak sawah ini adalah 'menggerap'. Kerja 'menggerap' merupakan satu proses untuk menghancurkan tanah dalam ketulan kecil sehingga menjadi lumat dan sebati dengan air. Peringkat ini mata bajak telah ditukar kepada mata gerap yang berbentuk seperti sikat yang panjangnya kira-kira 1 meter (Lihat lampiran; Gambar 4.7). Setelah 'digerap' tanah sawah akan dibiarkan selama 1 hari supaya ia mendap dan padat. Tanah yang mendap ini akan membolehkan ia menyokong semaihan supaya tidak rebah apabila dicedong. Setelah selesai semua kerja-kerja ini bermakna tanah sawah dalam keadaan sedia untuk aktiviti cedongan.

Secara keseluruhannya proses penyediaan petak sawah mengambil masa yang agak lama. Berdasarkan kerja-kerja membajak yang dilakukan oleh Nai Karia baka Said (Abe Ya) yang mengerjakan tanah sawah seluas 10 rai, beliau mengambil masa selama 23 hari untuk siap. Dengan menggunakan jentera pembajak 2 roda dengan 5-6 kuasa kuda, prosedurnya adalah seperti berikut;

- | | |
|--|--------|
| 1. 'Membeloh' serta 'mengangkat batas' | 5 hari |
| 2. 'Memeram tanah' | 7 hari |
| 3. 'Membalik' | 5 hari |
| 4. 'Menggerap' | 5 hari |
| 5. Membiarakan tanah mendap | 1 hari |

4.6.3 Memindah semaian

Semaian yang berumur 40 hari dikira cukup umur untuk dipindahkan dari tapak semaian ke dalam petak sawah. Aktiviti pemindahan ini diistilahkan sebagai 'mencedong'. Pada peringkat ini hanya tenaga kerja wanita sahaja yang terlibat. Bagi memulakan pemindahan, semaian perlu dicabut dahulu dari tapak semaian (Lihat lampiran; Gambar 4.8). Akarnya akan dibersihkan dengan cara 'menyisir' iaitu memasukkan jari-jari di celah-celah batang semaian untuk membuang daun-daun yang mati dan lebihan akar yang panjang. Setelah itu bahagian akarnya akan dipukul ke tapak tangan untuk membersihkan lebihan tanah pada akarnya. Semaian yang telah bersih ini akan disatukan sebesar betis orang dewasa dengan cara diikat menggunakan kulit pokok bemban. Satu ikatan semaian begini dinamakan 'uting'. Bahagian atas daunnya akan dipotong kira-kira 10-15 cm supaya daun semaian cepat mati dan anak padi dapat tumbuh. Setelah cukup banyak, semaian ini akan dibawa ke tepi sawah untuk 'dicedong'. (Lihat lampiran; Gambar 4.9)

Sebelum semaian 'dicedong', setiap 'uting' semaian ini akan direndam di dalam besen yang mengandungi air baja selama satu jam. Ini bertujuan agar akar semaian akan menyerap baja dan anak padi dapat tumbuh. Untuk memulakan cedongan, mereka akan mengambil 'seuting' semaian dan dipegang pada tangan kiri. Dengan menggunakan tangan kanan, mereka akan mengambil tiga hingga empat batang semaian dan

dicucuk ke dalam tanah sawah dalam keadaan tidak betul-betul tegak tetapi sedikit condong. Dengan keadaan membongkok dan bergerak ke belakang kerja-kerja mencedong ini dilakukan sehingga semua semaihan yang dibawa habis. Begitulah seterusnya sehingga semua tanah sawah yang telah disediakan habis dicedong. (Lihat lampiran gambar 4.10).

Setelah aktiviti 'mencedong' selesai, keadaan di sawah menjadi lengang. Lanskap kehidupan sawah mulai tumbuh dan anak padi dibiarkan membesar dengan sendiri sehingga tiba masa hasilnya dituai. Dalam tempoh sesudah 'mencedong' ini, kebanyakan aktiviti sawah dihentikan dan mereka mula menumpukan kepada kerja-kerja rumahtangga dan sumber pendapatan mengikut kebiasaan.

4.6.4 Tempoh tumbesaran pokok padi

Selepas 'cedongan', padi dibiarkan membesar dengan sendiri. Walau bagaimanapun dalam tempoh tumbesaran ini, tidak bermakna padi membesar tanpa penjagaan dan pengawasan. Beberapa perkara perlu diambil berat untuk menentukan pembesaran padi dalam keadaan sempurna. Dalam tempoh ini sesekali mereka akan pergi ke bendang untuk meninjau keadaan padi. Petani perlu memastikan air sentiasa ada dan mencukupi mulai dua minggu selepas cedongan sehingga hasil padi hampir masak.

Kehadiran air sepatutnya memenuhi petak sawah sedalam kira-kira 10 cm atau mengikut ukuran mereka 'sedalam satu

tapak tangan'. Ini kerana air adalah medium utama untuk pokok padi mendapatkan sumber nutrien semulajadi atau yang dibekalkan. Ketiadaan air akan membantutkan tumbesaran atau mungkin menyebabkan anak padi akan mati. Jika air dalam petak sawah kurang, petani akan membawa air masuk melalui kaedah 'menebuk batas' seperti mana sewaktu membajak untuk penyediaan petak sawah.

Semasa tempoh ini juga pembajaan dilakukan untuk menambahkan keperluan nutrien. Penghamburan baja dilakukan sebanyak dua kali. Kali pertama adalah sebulan selepas cedongan bagi membantu pokok padi tumbuh dengan subur. Kali kedua adalah tiga bulan selepas cedongan iaitu semasa padi dalam proses untuk mengeluarkan buah. Ini bagi membantu padi mengeluarkan yang berisi dan lebat.

Dalam tempoh tumbesaran ini juga penjagaan terhadap penyakit dan serangan makhluk perosak akan dilakukan. Sesuatu yang menarik dalam aktiviti penanaman padi di mubaan ini adalah racun tidak digunakan untuk rumput atau makhluk perosak. Rumput sebenarnya tidak menjadi masalah kepada penanaman padi di sini disebabkan kaedah penyediaan tanah sawah yang begitu teliti. Proses penyediaan tanah yang berulang kali telah mematikan peluang benih-benih rumput untuk hidup semula. Lagipun keadaan petak sawah yang sentiasa dipenuhi air menghalang rumput untuk tumbuh di dalamnya.

Ancaman tikus juga tidak begitu ketara kerana amalan

membersihkan batas sawah. Batas-batas sawah yang selalu diperhati dan dibersihkan tidak memberi peluang kepada tikus untuk membuat sarang. Sekiranya padi mereka diserang penyakit atau makhluk perosak seperti serangga atau tikus, mereka akan menghalang serangan tersebut dengan menggunakan kaedah tradisional. Antara lain adalah penggunaan 'air tawar' iaitu air yang dibaca mentera dan doa atau air serai wangi. Kemudian dihamburkan ke dalam petak sawah yang diserang penyakit atau makhluk tersebut. Tanpa penggunaan racun kimia, bermakna aktiviti ini tidak menyebabkan kerosakan kepada ekologi. Ikan, belut, siput dan keladi air yang berada di sawah padi boleh dimakan dengan selamat dan membekalkan sumber protein yang mudah dan tidak perlu dibeli.

Tumbesaran pokok padi mengambil beberapa peringkat bermula dari peringkat 'cedongan' sehingga hasilnya boleh dituai. Padi yang 'dicedong' mengambil masa dua minggu untuk 'pulih' iaitu pertukaran dari anak semaihan kepada anak padi. Selepas kira-kira dua setengah bulan kemudian, pokok padi mula 'membuku' di mana batangnya mula bengkak untuk membentuk buah padi. Kira-kira dua minggu selepas itu, padi dikatakan sedang 'bunting' yang mana bengkak pada batangnya telah besar dan membulat. Kira-kira dua minggu kemudian pokok padi mulai mengeluarkan tangkai dan bunga. Pada masa ini para petani mengistilahkan sebagai peringkat 'padi tubit chor'. Dalam tempoh satu setengah bulan kemudian buah padi mulai berwarna kuning menunjukkan telah masak tetapi tidak sepenuhnya dan

peringkat ini dinamakan padi sedang 'kuning ibu'. Setelah padi dalam keadaan 'kuning ibu' secara beransur-ansur lebih banyak padi akan menjadi masak dan peringkat ini dinamakan 'padi sedang berdapur'. Apabila habis tempoh 'berdapur', buah padi akan menjadi masak dan ini menunjukkan musim menuai atau 'mengetam' padi telah tiba.

4.6.5 Menuai padi

Menuai padi adalah kerja-kerja memungut hasil tanaman yang telah mereka usahakan. Menuai yang juga diistilahkan sebagai 'mengetam' hanya melibatkan tenaga kerja wanita (Lihat lampiran; Gambar 4.11). Aktiviti ini dilakukan dengan cara memotong tangkai padi satu persatu menggunakan sejenis pisau yang dipanggil 'ketam' (Lihat lampiran; Gambar 4.12). Padi yang 'diketam' tersebut akan diikat dengan menggunakan 'jerami' iaitu batang padi yang telah dipotong buahnya. Satu ikatan hasil padi sebesar satu genggaman orang dewasa ini dinamakan satu 'gemal' padi. 'Gemal-gemal' padi yang telah banyak dikumpul akan dimasukkan ke dalam guni atau menggunakan 'daja' iaitu sejenis alat pengandar yang dibuat daripada buluh untuk dibawa balik dan disimpan di dalam rumah padi atau penduduk tempatan memanggilnya sebagai baloh. Baloh adalah rumah kecil yang biasanya berukuran 10 x 10 kaki khusus untuk menyimpan padi. Ia lazimnya dibina di belakang rumah dengan dinding diperbuat dari papan, buluh atau zing. (Lihat lampiran; Gambar 4.13)

Kerja-kerja dalam peringkat 'mengetam' ini dilakukan sehari-hari oleh tenaga kerja wanita mulai dari waktu pagi terus ke waktu petang tanpa balik ke rumah. Mereka akan membawa semua keperluan bekalan dari rumah lagi seperti nasi, air, kain sembahyang dan sebagainya (Lihat lampiran; Gambar 4.14).

Setelah kerja-kerja 'mengetam' selesai dan semua hasil padi telah berada dalam baloh, mereka akan mengadakan kenduri kesyukuran dengan mengadakan jamuan di tepi bendang.

Jamuan yang dibuat semasa kajian ini dilakukan adalah laksa yang dibuat dari 'beras baru'. Sawah padi kemudiannya dibiarkan begitu sahaja sehingga tiba musim menanam tahun berikutnya. Setengah penduduk yang memelihara lembu akan melepaskan ternakan mereka untuk meragut rumput yang ada di atas batas sawah.

4.6.6 'Mengirik' padi

Bagi kaum wanita, aktiviti berkaitan dengan padi tidak selesai setelah hasilnya dituai dan disimpan. Mereka akan memproses hasil yang diperolehi untuk dihantar ke kilang dan dimesin menjadi beras. Sebelum dapat dihantar ke kilang, padi dalam keadaan 'gemal' terlebih dahulu harus dileraikan dari tangkainya. Proses ini dipanggil 'mengirik' padi.

Proses mengirik padi bermula dari hasil padi di keluarkan dari baloh dan dibawa ke satu tempat yang agak lapang. Jumlah padi yang dikeluarkan ini biasanya untuk

menampung keperluan makanan sebulan bergantung kepada jumlah isirumah. Sebidang tikar akan dibentangkan sebagai alas untuk kerja-kerja 'mengirik'. Setelah itu 'gemal' padi diletakkan di atas tikar dan dipijak-pijak sehingga semua buah padi lerai dari tangkainya (Lihat lampiran; Gambar 4.15).

Padi yang lerai ini masih lagi bercampur dengan padi hampa dan patahan 'roman' (tangkai padi yang telah kehabisan buah dipanggil 'roman'). Padi ini seterusnya perlu melalui satu lagi proses yang dipanggil 'mengangin'. Selepas 'diirik' padi akan dimasukkan ke dalam satu bekas yang dinamakan gadang jarang. Gadang jarang ini dibuat daripada buluh yang bahagian bawahnya dijalin dalam keadaan jarang untuk bertindak sebagai penapis. Setelah diisi dengan padi, gadang jarang ini akan diangkat dan digoncang supaya padi akan jatuh semula ke atas tikar. Manakala sisa-sisa roman akan tinggal di dalam gadang jarang tersebut.

Padi yang lepas dimasukkan ke dalam gadang jarang masih lagi perlu dipisahkan antara padi bernas dengan padi hampa. Padi bernas adalah padi yang berisi beras manakala padi hampa adalah kulit sahaja dan keadaannya kempis kerana tidak mempunyai isi. Untuk itu sekali lagi dimasukkan di dalam bekas lain yang dipanggil gadang rapat. Gadang ini sama dengan gadang jarang cuma bahagian bawahnya sahaja yang dijalin dalam keadaan rapat. Setelah padi dikaut masuk ke dalam gadang rapat, ia akan dilambung ke udara dan disambut

semula beberapa kali. Proses ini dinamakan 'menampi' padi. Melalui proses ini padi hampa akan terkumpul di bahagian hadapan gadang dan senang untuk dibuang. Setelah 'ditampi' beberapa kali gadang ini akan diangkat tinggi dan padi di dalamnya akan dicurahkan semula ke atas tikar. Lebihan padi hampa yang tidak keluar semasa ditampi akan ditiup angin kerana ia lebih ringan, manakala padi beras yang lebih berat akan jatuh semula ke atas tikar. Setelah semuanya selesai, padi ini akan dimasukkan ke dalam guni dan dihantar ke kilang di *Mubaan thi saam* untuk dimesin menjadi beras.

4.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapat dinyatakan aktiviti penanaman padi yang dipraktiskan di *Mubaan thi saam* memperkenalkan ciri-ciri penanaman saradiri. Pergantungan aktiviti penanaman kepada air hujan menjadikan aktiviti ini hanya boleh dijalankan semusim dalam setahun. Dengan sumber pengairan adalah air hujan, proses penanaman yang sesuai dipraktiskan adalah kaedah pemindahan semaian. Sistem pemindahan semaian ini menjadikan aktiviti penanaman padi terpaksa dikerjakan secara berperingkat-peringkat. Setiap peringkat tersebut seperti penyemaian benih, penyediaan petak sawah, memindah semaian dan menuai perlukan dilakukan mengikut prosedur yang teliti.

Aktiviti ini juga masih lagi dipengaruhi oleh unsur-unsur tradisional. Sistem kepercayaan tradisional juga

masih dipertahankan dalam aktiviti penanaman padi di *Mubaan thi saam*. Sebahagian dari mereka mempercayai adanya semangat dan makhluk halus yang turut memainkan peranan dalam aktiviti tanaman ini. Ritual dan pantang larang diwujudkan dalam setiap peringkat penanaman seperti amalan mencari hari yang baik, mengadakan upacara 'mulai mencedong', 'mulai mengetam' dan pantang larang juga masih dipraktiskan. . Ritual dan pantang larang ini sebagai alat untuk melahirkan harapan dan rasa kebergantungan mereka terhadap tanaman ini. Walaupun mereka percaya adanya Tuhan tetapi semua ini dianggap satu ikhtiar. Ini untuk memastikan tanaman padi mereka subur, mengeluarkan hasil yang banyak dan selamat tanpa sebarang gangguan.

NOTA HUJUNG:

¹ Robert F.Chandler Jr.; **Rice in the Tropics: A Guide to the Development of National Program**, West View Press, Colorado, USA, 1979, hal. 19

² Boriboon Somrith and Sermsak Awakul; "**Rainfed Lowland Rice**", Selected Paper From the 1978 International Rice Research Conference, International Rice Research Institute (IRRI), Los Banos, Laguna, Philipines, 1979, hal. 16

³ Yoshitaka Masuda; "**Economic Analysis of Rice Farming in Southern Thailand with Reference to the Pattern of Labour Input**" dalam **Thai Rice Farming in Transition**, World Planning Co.Ltd., Tokyo, Japan, 1990, hal. 256

⁴ Jerachone Sriswasdilek,; "**Done Chedi, Suphan Buri, Thailand**" dalam **Changes in Rice Farming in Selected Areas of Asia**, International Rice Research Institute (IRRI), Los Banos, Laguna, Philipines, 1975, hal. 257

⁵ "**Kamthamna Namfon**" (Penanaman Padi Menggunakan Air Hujan), Krongkarn Patthanakau Nai Ket Kasettralang, Staban Witchaikau, Pattani, Thailand, 1995, hal. 7

⁶ "**Kaukebraksa Melitkau Wai Tampan**" (Cara Penyimpanan Padi untuk Dijadikan Benih), Papree thi 97, Kromsom Semkau Kankaset, Bangkok, Thailand, hal. 3

⁷ Maklumat dari Nai Karia baka Said, 53, salah seorang penduduk Mubaan thi saam yang berkecimpung dalam aktiviti penanaman padi sejak dari umur 11 tahun lagi. Maklumat ini diperolehi semasa sesi temubual di rumahnya pada bulan April 1996.

⁸ "**Pui Mak**" (Baja Campuran), Ekasarn Kamneknam thi 38, Kankaset Hen Pratet Thai Chamkad, Krungthep Mahanakorn, Kanyayon, 2535, hal. 12

⁹ Bronislaw Malinoski; "**The Role of Magic and Religion**" dalam **Reader in Comparative Religion: An Anthropological Approach** (Lessa W.A. and Vogt E.Z. [Ed.]), Harper and Row, New York, USA, 1964, hal. 124

¹⁰ Amat Johari Moain; **Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian**, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1990, hal. 64

¹¹ Penjelasan ini direkodkan semasa sesi temubual pengkaji dengan Che Mah baka Che Kok, 67, pada bulan April 1996. Ini dibuat semasa beliau berehat selepas menabur benih di tapak semaihan belakang rumahnya. Beliau bimbang dengan tidak mengendahkan ritual-ritual dalam penanaman padi menyebabkan tanaman padi akan menghadapi masalah

¹² S.Husin Ali; **Op.Cit.**, hal. 93-95

¹³ Amalan ini juga dipraktiskan oleh petani-petani di negeri Kedah. Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat Affifuddin Hj Omar; "**The Commercial Farming Behavior and Attitudes of Farmers in The Muda Schemes**" Muda Agricultural Development Authority (MADA), Alor Setar, Kedah, 1973, 12-17. Kajian beliau ini mendapati amalan ritual dan pantang larang telah menjadi penghalang kepada sikap masyarakat untuk menuju ke arah penanaman padi untuk tujuan komersial. Sebaliknya, kajian di Mubaan thi saam ini menunjukkan bahawa amalan-amalan tersebut menjadi satu mekanisme untuk meneruskan penanaman padi.

¹⁴ Untuk keterangan lebih lanjut tentang kuasa-kuasa ghaib ini, sila lihat K.M. Endicott; **An Analysis of Malay Magic**, Clarendon Press, Oxford, USA, 1970, hal. 49

¹⁵ Sumber daripada Tesoh baka Bukok, 52, semasa sesi temubual dirumahnya pada bulan April 1996.

¹⁶ Sumber daripada Nai Mat baka Hamid, 60, merupakan imam tua masjid Baan Kok Sumut. Maklumat ini direkodkan semasa sesi temubual di rumahnya pada bulan April 1996.

¹⁷ Sumber daripada Jit baka Teh, 64, semasa sesi temubual dirumahnya pada bulan April 1996

¹⁸ Sumber daripada Che Mah baka Che Kok, 67, semasa sesi temubual pengkaji di rumahnya pada bulan April 1996

¹⁹ Sumber maklumat daripada Seme baka Ha, 60. Sesi temubual ini dijalankan di rumahnya pada bulan April 1996.

²⁰ Boriboon Somrith and Sermsak Awakul; **Op.Cit.**, hal. 18

²¹ Sila lihat Mohammed Halib, "**Sealiran Tapi Tak Sejiwa: Pengalaman Kaum Tani Melayu dan Pengairan**" dalam **Segemal Padi Sekunca Budi: Kearah Menghayati Budaya Padi**, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993, hal. 62-63